



21 MAR, 2023

Sasar jualan RM4 juta melalui Ramadan Madani

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Sasar jualan RM4 juta melalui Ramadan Madani

KUANTAN - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang menyasarkan jualan sehingga RM4 juta menerusi Program Ramadan Madani di 18 lokasi pasar tani di Pahang.

Pengarahnya, Saiful Sadri berkata, program jualan itu dianjurkan sempena meraikan bulan Ramadan tahun ini.

Menurutnya, harga jualan yang ditawarkan itu lebih menarik dan murah berbanding pasaran lain iaitu antara lima hingga 10 peratus.

“Program ini (Ramadan Madani) kita akan adakan di Pasar Tani di seluruh negeri melalui jualan terus dari ladang.

“Kita akan memilih lokasi-lokasi yang didiami ramai B40, sekali gus membantu mereka mendapatkan barangan keperluan pada murah,” katanya.

Beliau berkata, demikian pada sidang akhbar selepas Program Penyerahan Bubur Lambuk yang dirasmikan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh di Pasar



SAIFUL

Tani UTC di sini pada Ahad.

Saiful berkata, FAMA juga akan melibatkan rakan pemasar dalam projek ini bagi memastikan harga lebih murah berbanding pasaran biasa.

“Kalau di Kuantan, kita ada lima hingga enam rakan pemasar yang

mengumpulkan barangan keperluan daripada pengusaha dan petani untuk jual kepada pengguna menerusi jualan terus dari ladang.

“Jadi, dengan cara ini kita boleh tawarkan harga yang lebih murah kerana ia tidak melalui orang tengah,” ujar beliau.

Mengulas lanjut mengenai program Ramadan Madani, Saiful menjelaskan, kerjasama dengan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan dilaksanakan.

Katanya, ini bagi memastikan bekalan atau stok ayam dan ikan mencukupi sepanjang bulan Ramadan dan ketibaan bulan-Syawal nanti.



21 MAR, 2023

Sasar jualan RM4 juta melalui Ramadan Madani

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUANTAN - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang menyasarkan jualan sehingga RM4 juta menerusi Program Ramadan Madani di 18 lokasi pasar tani di Pahang. Pengarahnya, Saiful Sadri berkata, program jualan itu dianjurkan sempena meraikan bulan Ramadantahun

ini. Menurutnya, harga jualan yang ditawarkan itu lebih menarik dan murah berbanding pasaran lain iaitu antara lima hingga 10 peratus. "Program ini (Ramadan Madani) kita akan adakan di Pasar Tani di seluruh negeri melalui jualan terus dari ladang.